

KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

FATWA BIL. 24

HUKUM PLASMA DARAH DALAM MAKANAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada tarikh 25 Zulhijjah 1442H bersamaan 4 Ogos 2021M telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali Ke-117 sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Plasma Darah dalam Makanan Menurut Perspektif Islam. Jawatankuasa berpendapat seperti berikut:

- i. Penggunaan darah mengalir dalam segala jenis makanan atau minuman adalah **haram secara ijmak**.
- ii. Penggunaan plasma darah dalam produk makanan dan minuman semasa adalah haram berdasarkan hujah-hujah berikut:
 - a) **Tidak berlaku sebarang proses *istihalah tammah* dalam penggunaan plasma darah.**

Produk makanan yang mengandungi plasma darah tidak menepati konsep istihalah kerana walaupun telah melalui proses perubahan tetapi ia tidak berlaku secara sempurna. Ini kerana plasma darah masih boleh dikesan pada produk akhir walaupun telah melalui proses perubahan kimia.

- b) **Penggunaan plasma darah dalam makanan atau minuman tidak sampai ke tahap mendesak atau darurat.**

Kaedah fiqh yang terkait dengan keadaan darurat ialah:

الضرورات تبيح المحظورات

Maksudnya: "*Darurat mengharuskan perkara yang dilarang.*"

(Ibn Nujaym 1999)

Berdasarkan kaedah fiqh yang dibincangkan, jelas bahawa makanan yang mengandungi plasma darah hanya **boleh dimakan atau dimanfaatkan ketika berada dalam keadaan benar-benar darurat sahaja** namun tidak boleh sewenang-nya diamalkan. Penggunaan plasma darah dalam produk makanan pada masa kini tidak mencapai tahap yang boleh dianggap sebagai darurat.

Tarikh : 28 Julai 2022
No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9
Status Fatwa : **Tidak Warta**

Saya yang menjalankan amanah



(SS. DATO' HAJI) ZAMRI BIN HASHIM)
Timbalan Mufti Negeri Perak